

Usahawan Melayu kena berani bersaing – Najib

UM - 16/7/2007

KUALA LUMPUR 15 Julai – Datuk Seri Najib Tun Razak mencabar usahawan Melayu supaya berani bersaing dengan bangsa lain dan jangan lagi mengharapkan sebarang kontrak rundingan terus daripada kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mereka juga perlu menjadi usahawan yang bermaruah dengan tidak lagi mengharapkan kuota 30 peratus dalam pemilikan ekuiti syarikat.

Tegas beliau, sudah tiba masanya usahawan Melayu menguasai 100 peratus kepentingan syarikat tanpa meminta-minta kuota daripada kaum lain.

“Saya mahu orang Melayu mampu bersaing sesama sendiri, berani melakukan perubahan dan bukan bergantung kepada sikap ‘kenal siapa’ tetapi ‘kenal bagaimana’.

“Orang kita suka sangat rundingan terus. Surat pun banyak saya terima. Begitu juga Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

“Kalau kita ‘kenal siapa’ sahaja payahlah. Saya lebih suka orang Melayu ‘kenal bagaimana’ kerana ini akan membawa kejayaan,” katanya.

Beliau berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan Tahunan Keempat UMNO Bahagian Wangsa Maju di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Timbalan Presiden UMNO itu turut meminta ahli-ahli supaya memikirkan apa yang boleh disumbangkan kepada parti dan bukan sebaliknya.

Katanya, semangat perjuangan demi bangsa, agama dan negara harus ditiupkan di kalangan 3.3 juta ahli parti bukan sahaja melibatkan politik malah bidang-bidang lain dalam kehidupan.

“Ini ada yang saya dengar ‘dah 30 tahun jadi ahli tak ada apa-apa lagi...’ Ayat itu biasa kita dengar, tuan-tuan pun tentu dengar.

“Minda macam ini perlu ubah. Apa yang kita hendak ialah semangat, roh perjuangan dan kualiti di semua peringkat.

“Saya mahu setiap ahli tertanam azimat perjuangan di dalam sanubari, terpaut dalam jiwa dan sumbangan kita supaya parti berjaya,” katanya.

Beliau juga menggesa ahli UMNO sentiasa mengamalkan prinsip politik bermaruah dan bekerja dalam satu pasukan

supaya kemenangan sentiasa berpihak kepada parti.

Najib memberi contoh, Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang merancang kemenangan pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok dengan menyerang Barisan Nasional (BN) habis-habisan tetapi akhirnya gagal.

“Sebab itu dalam parti kita perlu mengamalkan politik bermoral. Kalau tidak ada gambar, jangan adakan gambar.

“Bila tidak ada gambar, pakai teknologi namun akhirnya terbongkar juga. Itu satu fitnah dan permainan politik yang tidak bermoral sama sekali.

“Bila tidak bermoral, Tuhan pun tidak suka. Biarlah mereka lemparkan fitnah, jika kita jujur dan ikhlas dalam politik, Allah pasti beri kemenangan kepada kita,” tegasnya.

Turut hadir Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, Pemangku Ketua Bahagian UMNO Wangsa Maju, Datuk Zainal Nazeri Zainuddin dan Ketua Pemuda Bahagian Wangsa Maju, Datuk Norza Zakaria.